

Pemimpin Gerakan diminta hentikan buat kenyataan

S

UM - 8 DEC 1999

KUALA LUMPUR 7 Dis. — Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik meminta para pemimpin Gerakan Pulau Pinang dan dua ahli Dewan Undangan Negeri itu yang meninggalkan Gerakan baru-baru ini agar berhenti daripada mengeluarkan sebarang kenyataan untuk mengelak masalah yang berlanjutan.

Beliau berkata, semua pihak perlu berusaha mengembalikan Gerakan negeri itu kepada agenda utama iaitu untuk berkhidmat kepada rakyat.

"Saya meminta semua pihak yang terlibat agar berhenti membuat kenyataan agar kita dapat bersatu semula dan mengembalikan Gerakan negeri itu kepada Inndasan sebenar iaitu berkhidmat kepada rakyat Pulau Pinang," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Kenyataan beliau itu merujuk kepada kes dua ahli Dewan Undangan Negeri

Barisan Nasional dari Gerakan Pulau Pinang, Lim Chien Aun (Bayan Lepas) dan Lim Boo Chang (Keramat) yang keluar dari parti itu, tiga hari selepas pilihan raya umum lepas.

Chien Aun dan Boo Chang berkata, mereka mengambil tindakan itu kerana kecewa dengan kegagalan pimpinan Gerakan Pulau Pinang memajukan negeri itu.

Kenyataan mereka bagaimanapun disangkal oleh Ketua Menteri Pulau Pinang yang dilantik semula, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon.

Menurut Keng Yaik, pihaknya sedang berusaha untuk memulihkan keadaan dan beliau sendiri sudah bertemu dan berbincang dengan Chien Aun dan Boo Chang.

Menerusi pertemuan itu, beliau telah mengesan perbezaan pendapat yang cukup besar antara kedua-dua pihak terbabit.

"Kedua-dua pihak mem-

punyai alasan yang kukuh tetapi saya akan mencuba sedaya upaya untuk mengikis perbezaan pendapat itu," katanya.

Jelasnya, beliau yakin masalah tersebut akan dapat diselesaikan dalam sedikit masa lagi kerana Chien Aun dan Boo Chang telah menyatakan sokongan mereka kepada kepimpinan Perdana Menteri. Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

"Saya rasa, ini adalah masa terbaik untuk bersatu semula," katanya.

Beliau menambah, Perdana Menteri telah pun dimaklumkan mengenai keseluruhan masalah di Pulau Pinang terutamanya masalah dalaman Gerakan.

Katanya lagi, beliau juga berterima kasih kepada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kerana turut berusaha untuk menyelesaikan masalah tersebut.